

KAJIAN SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR  
JABATAN PENGURUSAN HARTANAH

PEMBANGUNAN HARTANAH PERTANIAN  
BERSEPADU  
(INTEGRATED FARMING DEVELOPMENT)

Satu dissertasi yang disediakan sebagai memenuhi  
sebahagian dari syarat untuk penganugerahan  
Diploma Lanjutan Pengurusan Hartanah

DISEDIAKAN OLEH : JAMALUDIN BIN HJ. NGIT  
SESSI : 1987/1988

## ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
PRAKATA	i.
PERHARGAAN	ii.
SENARAI JADUAL	v.
SENARAI RAJAH DAN CARTA	
BAB 1 : <u>Pengenalan</u>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Pembangunan Pertanian	3
1.2 Dasar Pertanian Negara	4
1.2.1 Matlamat Dasar Pertanian Negara (DPN)	5
1.2.2 Strategi Perlaksanaan Dasar Pertanian Negara	6
1.3 Konsep Pertanian Bersepadu	7
1.4 Pemilihan Cadangan-Cadangan Pembangunan dan Kawasan Kajian	9
1.5 Strategi Pembangunan Pertanian Bersepadu	10
BAB 2 : <u>CADANGAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU</u>	
2.0 Pengenalan	14
2.1 Enterprais Udang Galah	14
2.1.1 Pengenalan	14
2.1.2 Program Pengeluaran	15
2.1.3 Program Kewangan	17

## PRAKATA

Pelaburan di dalam bidang pembangunan pertanian di Malaysia sejak kebelakangan ini kian merosot dan sering diabaikan oleh pihak swasta mahupun orang perseorangan. Pembangunan bidang tersebut kebanyakannya dipertanggungjawabkan kepada pihak kerajaan sahaja. Sebab utama yang sering diutarakan ialah pembangunan pertanian tidak dapat mendatangkan pulangan pelaburan yang memuaskan di dalam jangkamasa yang pendek. Persoalan yang timbul di sini ialah adakah kenyataan tersebut benar dan boleh diterima sepenuhnya?

Pihak kerajaan telah melaksanakan Dasar Pertanian Negara (DPN) dalam tahun 1984 dengan bertujuan untuk menggalakkan pembangunan pertanian di mana selaras dengan DPN, satu konsep pembangunan pertanian secara bersepadu telah diperkenalkan. Konsep ini sering dijadikan bahan berita dan perbualan harian tetapi timbul tandatanya apakah dia pembangunan pertanian bersepadu. Pelaburan pertanian yang berasaskan konsep tersebut dikatakan merupakan satu pelaburan pertanian yang boleh memaksimumkan pulangan dalam jangkamasa yang pendek.

Atas sebab di atas, tajuk ini telah dipilih sebagai tajuk kajian ini. Ianya adalah diharapkan agar dapat membuktikan bahawa pembangunan pertanian bersepadu benar-benar boleh memaksimumkan pulangan pelaburan dan disamping itu dapat dijadikan panduan di masa-masa akan datang bagi pelabur-pelabur yang berminat untuk menceburi di dalam bidang pembangunan pertanian.

Kajian ini saya mulakan dengan mengkaji secara sepintas lalu mengenai keadaan semasa pembangunan pertanian di Malaysia dan dasar-dasar

kerajaan terhadap pembangunan pertanian. Ini diikuti dengan konsep pertanian bersepadu yang disarankan oleh pihak-pihak yang bertanggung jawab di dalam bidang pertanian.

---

Berdasarkan dari konsep tersebut saya telah mengemukakan satu cadangan pembangunan pertanian bersepadu seperti dinyatakan di dalam Bab 2 untuk dibuat penilaian. Oleh kerana bidang pertanian juga melibatkan pemasaran, maka satu penelitian terhadap pasaran dan pemasaran barangan pertanian juga dilakukan untuk pembentukan strategi-strategi pemasaran bagi cadangan pembangunan yang telah dikemukakan.

Di dalam membuat penilaian, beberapa kaedah-kaedah penilaian projek pertanian telah dibincangkan. Satu daripada kaedah penilaian yang paling sesuai telah digunakan untuk menilai cadangan pembangunan pertanian bersepadu tersebut. Kadar pulangan dari penilaian tersebut telah digunakan untuk menunjukkan samada pembangunan pertanian bersepadu benar-benar merupakan pelaburan pertanian yang memaksimumkan pulangan pelaburan. Seterusnya satu kesimpulan dapat dibuat terhadap pembangunan pertanian bersepadu.

Jamaludin bin Hj. Ngit

15hb April 1988

## PENGHARGAAN

"DENGAN NAMA ALLAH S.W.T YANG MAMA PEMURAH LAGI MAHA MENGASIHI"

~~Saya merasa~~ sungguh bersyukur kerana dengan izin Allah s.w.t, saya telah berjaya menyiapkan kajian bertajuk "PEMBANGUNAN HARTANAH PERTANIAN BERSEPADU" ini.

Saya ingin menyampaikan dan merakam setinggi-tinggi penghargaan kepada beberapa badan dan individu yang telah banyak membantu dan memberi tunjuk ajar sehingga saya dapat menyiapkan kajian ini. Tanpa bantuan mereka saya yakin kerja-kerja menyiapkan kajian ini tidak akan dapat saya lakukan.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah penasihat utama, Puan Zaiton binti Main dan Puan Khatijah binti Mokhtar selaku pensyarah penasihat di peringkat awalan kajian yang telah pun memberi beberapa tunjukajar sepanjang penyediaan kajian ini. Juga kepada penyelaras kajian iaitu Cik Kamsiah binti Hj Sirat yang juga Pensyarah Kanan Jabatan Pengurusan Hartanah.

Ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada kakitangan Kementerian Pertanian Malaysia, Institut Penyelidikan dan Kemajaun Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Universiti Pertanian Malaysia yang begitu bersedia untuk memberikan maklumat dan tunjukajar bagi tujuan penyediaan kajian ini.

Ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada badan-badan dan individu lain yang telah memberikan bantuan mereka. Ini termasuklah :-